

SUKIPT UKM 2018

# Fatin sasar perbaiki rekod

**SUKIPT**  
UKM, BANGI • 2018

➔ Pemanah enggan ambil mudah, jadikan medan pemanas badan



**Oleh Mohd Khairie Khalid**  
khairie@nstp.com.my

**Bangi**

**M**eskipun sudah meraih pelbagai kejayaan pada peringkat tempatan dan antarabangsa, Fatin Nurfaedah Mat Salleh enggan mengambil mudah akan saingan di Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018 di sini.

Apa yang bermain di fikiran atlet memamah negara itu ketika ini adalah memperbaiki rekod peribadi terbaik menjelang aksi di Stadium Pavillion,

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Selain itu, pemanah harapan negara yang mewakili Universiti Sains Malaysia (USM) itu menjadikan SUKIPT sebagai kejohanan pemanas badan sebelum menyertai temasya lebih besar, tahun ini.

"Untuk SUKIPT kali ini, sasaran saya adalah untuk melakukakan catatan peribadi terbaik terlebih dulu dan hasilnya akan datang kemudian.

**Saingan hebat**

"Saya sedar akan berdepan saingan hebat apatah lagi dengan kemunculan pemanah mewakili Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Sultan Zainal Abidin.

"Apa pun, saya tetap kena buat yang terbaik kerana selepas SUKIPT saya akan ke Jakarta pada 8 Februari untuk pertandingan perubahan Sukan Asia," katanya di sini, semalam.

Pemenang dua pingat emas dan satu gangsa pada temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 itu diadual menyertai acara individu dan berpasukan campuran.

Sementara itu, SUKIPT menerima suntingan semangat semalam apabila menerima penajaan dari Yakult Malaysia Sdn Bhd.



Fatin Nurfaedah